

02/03/2002

Keperihatinan kerajaan elak pelajar silap haluan

SEJAK beberapa tahun kebelakangan, minat pelajar untuk mendalami pengajian agama Islam semakin meningkat. Sebagai buktinya, sekolah agama yang diwujudkan kerajaan mahupun swasta sentiasa menjadi tumpuan sebagai tambahan kepada mata pelajaran Agama Islam yang diajar di sekolah harian biasa. Sebagai umat akhir zaman, kesedaran sedemikian tentunya amat digalakkan ke arah melahirkan lebih ramai insan mulia. Daripada sebegitu ramai yang mengikuti pengajian berkenaan, sesetengah mereka kemudian memilih untuk terus mendalaminya di pelbagai institusi di luar negara. Pada peringkat inilah kecelaruan bermula - pelajar tajaan kerajaan dihantar ke pusat pengajian yang diiktiraf, manakala pelajar persendirian pula bebas menentukan pilihan masing-masing.

Dalam keghairahan pelajar menentukan haluan, tidak ketinggalan ada yang tersalah pilih. Digelapkan mata oleh kos pengajian lebih murah, syarat kemasukan longgar serta pelbagai janji yang tersebar menerusi Internet, sudah ramai pelajar Malaysia yang terpedaya. Bukan setakat pusat pengajian seperti ini yang banyak terdapat di Pakistan dan Timur Tengah tidak mendapat pengiktirafan, malah kurikulumnya juga meragukan. Pelajar ini kemudian kembali ke tanah air sebagai lulusan `separuh masak' dan sesetengahnya terpengaruh dengan `ilmu' yang terpesong daripada ajaran Islam sebenar.

Maka berlakulah masalah pelajar kita yang terbabit dengan kegiatan ekstremis dan militan agama kerana menuntut di madrasah yang menganjurkan kegiatan seumpama itu dan menyarankan penubuhan kerajaan Islam menerusi keganasan. Kesukaran mendapatkan pekerjaan mendorong kebanyakan mereka menjadi penceramah bebas dengan berusaha pula mempengaruhi orang lain dengan ilmu songsang mereka hingga boleh menjadi ancaman kepada negara. Pada peringkat itu, bukan lagi mudah untuk membetulkan kefahaman dan pendirian golongan berkenaan, kononnya ia sudah sehati dengan jiwa mereka. Tanpa sebarang bentuk kawalan, lebih ramai yang akan terjebak dan inilah yang harus dibendung daripada berleluasa.

Langkah terbaru kerajaan mewajibkan setiap pelajar yang ingin menuntut di luar negara berdaftar dengan Wisma Putra sebagaimana diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, dapat menghindarkan mereka daripada memilih institusi tidak diiktiraf. Dengan sebarang kecelaruan dapat dielakkan pada peringkat awal lagi, pelajar yang bakal mendalami pengajian agama di luar negara dapat memenuhi harapan tinggi ibu bapa yang mengharap mereka kembali sebagai orang yang berguna kepada keluarga, bangsa dan negara. Ijazah atau sijil yang diiktiraf turut memudahkan peluang mereka mengisi pasaran pekerjaan. Lebih daripada itu, ia dapat menghindarkan mereka daripada diperalatkan oleh pihak yang berkepentingan dalam menjayakan perjuangan mereka.

Di samping Kementerian Pendidikan akan menyediakan garis panduan bagi memastikan ibu bapa pelajar memahami semua prosedur, senarai lengkap institusi yang diiktiraf juga wajar disediakan. Seboleh-bolehnya kita tidak mahu ada lagi pelajar negara ini yang diperdayakan, apatah lagi jika institusi berkenaan menjadi tempat menyuburkan ideologi atau bibit perjuangan yang bertentangan dengan aspirasi negara dan rakyat. Kerajaan negeri yang turut membiayai ramai pelajar untuk mengikuti pengajian di luar negara juga harus memperketat tapisan selain pelajar persendirian yang perlu lebih bijak membuat pilihan.

(END)

